jipsf Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance
Center for Islamic Philanthropy & Social Finance
e-ISSN: 2590-3942

PENERBIT PRESS
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Available online at
https://journal.uitm.edu.my/ojs/index.php/

Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance 2026, 8 (2), 66 – 76

Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance

Integrasi Maqāṣid al-Sharīʿah dalam Penilaian Sistem *Buy Now Pay Later* (BNPL): Cabaran Ketidaksepadanan, Implikasi Sosial dan Cadangan Dasar di Malaysia

(Integrating Maqāṣid al-Sharīʿah into the Assessment of Buy Now, Pay Later (BNPL) Systems: Challenges of Misalignment, Social Implications, and Policy Recommendations in Malaysia)

Aemy Aziz*[1], Hadenan Towpek[2], Mohd Shahid Azim Mohd Saufi[3], Syaimak Ismail[4], Muhammad Saiful Islam Ismail[5] & Mohamad Zaim Isamail [6]

[1] *Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor.*
[2] *Associate Professor, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak,*
[3]*Senior Lecturer, Faculty of Business and Management (FPP), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah.*
[4]*Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis,*
[5]*Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah,*
[6]*Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak,*

ARTICLE INFO

Article history:
Received:
16 July 202
Revised:
07August 2026
Accepted:
13 August 2026
Published:
20 September 2026

Kata kunci:

Buy Now Pay Later (BNPL);
Maqāṣid al-Sharīʿah;
Kewangan Islam;

ABSTRACT

Perkembangan sistem *Buy Now Pay Later* (BNPL) dalam ekosistem kewangan digital telah meningkatkan akses pengguna terhadap kemudahan pembayaran tertangguh, namun turut menimbulkan persoalan berkaitan keselarasan dengan prinsip *Maqāṣid al-Sharīʿah*, khususnya dari aspek perlindungan harta, keadilan kontrak dan kesejahteraan pengguna. Kajian ini bertujuan menganalisis ketidaksepadanan sistem BNPL berdasarkan kerangka *Maqāṣid al-Sharīʿah*, mengenal pasti cabaran operasi dan kawal selia semasa, serta mencadangkan pendekatan penambahbaikan yang berteraskan etika kewangan Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan dokumen terhadap sumber primer dan sekunder yang melibatkan laporan institusi berautoriti, dokumen kawal selia, literatur akademik berkaitan BNPL, serta karya berkaitan *fiqh muʿāmalāt* dan *Maqāṣid al-Sharīʿah*. Analisis tematik digunakan dengan memetakan ciri operasi BNPL kepada lima dimensi utama *ḍarūriyyāt*, khususnya ḥifẓ al-māl, ḥifẓ al-ʿaql dan ḥifẓ al-dīn. Analisis mendapati bahawa isu

* Corresponding author. *E-mail address:* aemy@uitm.edu.my

https://doi.org/10.24191/jipsf.v10i1.9156

©Authors, 2026

Fintech;
Perlindungan pengguna;
Literasi kewangan.

DOI:
https://doi.org/10.24191/nk12744

utama BNPL bukan terletak pada konsep pembayaran bertangguh secara mutlak, tetapi berkaitan dengan aspek ketelusan kontrak, risiko keterhutangan berlebihan, caj penalti, pengaruh tingkah laku pengguna serta kelemahan tadbir urus dan pemantauan Syariah. Kajian ini turut menegaskan bahawa sesuatu produk BNPL mungkin memenuhi keperluan kontrak secara formal, namun masih berpotensi tidak selari dengan maqāṣid sekiranya membawa kemudaratan kewangan dan sosial kepada pengguna. Kajian ini menyumbang kepada wacana kewangan Islam kontemporari melalui cadangan pembentukan rangka kerja kawal selia khas BNPL, pelaksanaan semakan pematuhan Syariah serta pengukuhan literasi kewangan dan Syariah bagi memastikan inovasi kewangan digital berkembang secara lebih adil, beretika dan selaras dengan objektif *Maqāṣid al-Sharīʿah*.

ABSTRACT

The development of the Buy Now Pay Later (BNPL) system in the digital financial ecosystem has increased consumers' access to deferred payment facilities, but it also raises questions about its alignment with the principles of Maqāṣid al-Sharīʿah, particularly regarding property protection, contractual fairness, and consumer well-being. This study aims to analyze the mismatch in the BNPL system within the framework of Maqāṣid al-Sharīʿah, identify current operational and regulatory challenges, and propose an improvement approach grounded in Islamic financial ethics. This study uses a qualitative approach by analyzing primary and secondary sources, including reports from authoritative institutions, regulatory documents, academic literature on BNPL, and works on fiqh muʿāmalāt and Maqāṣid al-Sharīʿah. Thematic analysis was used to map the operational features of BNPL to the five main dimensions of ḍarūriyyāt, specifically ḥifẓ al-māl, ḥifẓ al-ʿaql, and ḥifẓ al-dīn. The analysis found that the main issue of BNPL does not lie in the concept of absolute deferred payment, but in relation to the aspects of contract transparency, risk of excessive indebtedness, penalty charges, influence of consumer behaviour as well as weaknesses in Shariah governance and monitoring. The study also points out that a BNPL product may formally meet contractual requirements but still be inconsistent with maqāṣid if it causes financial and social harm to consumers. This study contributes to the contemporary Islamic financial discourse through the proposed formation of a special BNPL regulatory framework, the implementation of Shariah compliance reviews, as well as the strengthening of financial and Shariah literacy to ensure that digital financial innovation develops in a fairer, more ethical manner and in line with the objectives of Maqāṣid al-Sharīʿah.

Keywords: Buy Now Pay Later (BNPL); Maqāṣid al-Sharīʿah; Islamic Finance; Fintech; User protection; Financial literacy

1. PENGENALAN

Perkembangan pesat teknologi kewangan (*financial technology* atau *fintech*) telah mengubah landskap sistem pembayaran melalui pengenalan pelbagai instrumen pembiayaan digital, termasuk *Buy Now Pay Later* (BNPL). BNPL merupakan kemudahan pembiayaan jangka pendek yang membolehkan pengguna memperoleh barangan atau perkhidmatan serta-merta dengan pembayaran dibuat secara ansuran mengikut tempoh yang dipersetujui. Di Malaysia, penggunaan BNPL berkembang dengan pesat seiring peningkatan transaksi e-dagang, penggunaan pembayaran digital dan penerimaan pengguna terhadap inovasi *fintech* (Mohammad et al., 2025; Alias et al., 2025).

©Authors, 2026

Kemudahan BNPL menawarkan beberapa manfaat seperti meningkatkan akses kepada pembiayaan, menyediakan fleksibiliti pembayaran dan mengurangkan kebergantungan kepada kad kredit, khususnya dalam kalangan pengguna muda dan mereka yang mempunyai akses kredit yang terhad (Mohammad et al., 2025). Walau bagaimanapun, beberapa kajian turut melaporkan bahawa penggunaan BNPL boleh meningkatkan kecenderungan pembelian impulsif, komitmen hutang jangka pendek serta risiko tekanan kewangan sekiranya tidak disokong oleh tahap literasi kewangan dan mekanisme perlindungan pengguna yang mencukupi (Nik Azmi & Mohd Zahari, 2024; Alias et al., 2025).

Daripada perspektif kewangan Islam, sesuatu inovasi kewangan bukan sahaja perlu mematuhi kehendak fiqh *muʿāmalāt*, bahkan hendaklah menyokong pencapaian *maqāṣid al-sharīʿah* melalui pemeliharaan agama (*ḥifẓ al-dīn*), nyawa (*ḥifẓ al-nafs*), akal (*ḥifẓ al-ʿaql*), keturunan (*ḥifẓ al-nasl*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*) (Chapra, 2000; Dusuki & Bouheraoua, 2011). Sehubungan itu, penilaian terhadap BNPL perlu mengambil kira bukan sahaja aspek pematuhan kontrak, malah implikasinya terhadap kesejahteraan pengguna serta kemaslahatan sosial.

Walaupun penyelidikan berkaitan BNPL semakin berkembang, kebanyakan kajian memberi tumpuan kepada aspek tingkah laku pengguna, penerimaan teknologi dan pengurusan risiko kewangan. Kajian yang menilai keserasian struktur dan operasi BNPL berdasarkan kerangka *maqāṣid al-sharīʿah*, khususnya dalam konteks perundangan dan kawal selia di Malaysia, masih terhad (Hassan et al., 2025; Abu Bakar & Salleh, 2025). Justeru, kajian ini dijalankan bagi menilai keserasian struktur dan operasi BNPL berdasarkan prinsip *maqāṣid al-sharīʿah*, di samping menganalisis isu Syariah dan perundangan serta mencadangkan penambahbaikan dasar bagi memperkukuh perlindungan pengguna.

1.1 PENYATAAN MASALAH

Perkembangan pesat BNPL sebagai instrumen pembiayaan digital telah mewujudkan peluang baharu dalam memperluaskan akses kepada kemudahan kredit pengguna. Walau bagaimanapun, beberapa kajian melaporkan bahawa penggunaan BNPL turut dikaitkan dengan peningkatan pembelian impulsif, pertambahan komitmen hutang dan tahap literasi kewangan yang masih rendah dalam kalangan sebahagian pengguna, khususnya golongan belia (Nik Azmi & Mohd Zahari, 2024; Mohammad et al., 2025). Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana struktur dan operasi BNPL dapat menyokong kesejahteraan kewangan pengguna secara mampan.

Dari perspektif Syariah, kebanyakan kajian terdahulu lebih memfokuskan kepada aspek pematuhan kontrak, sedangkan penilaian berdasarkan kerangka *maqāṣid al-sharīʿah* masih belum diberikan perhatian yang mencukupi (Hassan et al., 2025). Sesuatu produk kewangan mungkin memenuhi keperluan fiqh dari sudut kontrak, namun pelaksanaannya masih perlu dinilai sama ada benar-benar mencapai objektif Syariah, khususnya dalam aspek pemeliharaan harta (*ḥifẓ al-māl*), akal (*ḥifẓ al-ʿaql*) dan keadilan dalam muamalat (Chapra, 2000; Dusuki & Bouheraoua, 2011). Oleh itu, pembezaan antara *Sharīʿah compliance* dan *maqāṣid al-sharīʿah compliance* memerlukan penelitian yang lebih sistematik.

Selain itu, Malaysia telah memperkukuh perlindungan pengguna melalui penguatkuasaan Akta Kredit Pengguna 2025 (Akta 873) yang mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2026 serta penubuhan Suruhanjaya Kredit Pengguna (SKP) bagi mengawal selia industri kredit pengguna secara lebih menyeluruh, termasuk penyedia BNPL. Walau bagaimanapun, akta tersebut lebih menumpukan aspek pelesenan, tadbir urus dan

https://doi.org/10.24191/nk12744

©Authors, 2026

perlindungan pengguna, manakala penilaian terhadap keserasian operasi BNPL berdasarkan kerangka *maqāṣid al-sharīʿah* masih belum diperincikan. Keadaan ini menunjukkan wujudnya jurang penyelidikan yang memerlukan analisis secara sistematik terhadap hubungan antara struktur operasi BNPL, prinsip Syariah dan kerangka kawal selia semasa di Malaysia.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan jurang penyelidikan yang dikenal pasti, kajian ini bertujuan menilai keserasian sistem *Buy Now Pay Later* (BNPL) berdasarkan kerangka *maqāṣid al-sharīʿah* dalam konteks pelaksanaannya di Malaysia. Secara khusus, kajian ini mempunyai objektif berikut:

1. Menilai keserasian struktur dan operasi sistem *Buy Now Pay Later* (BNPL) berdasarkan prinsip *maqāṣid al-sharīʿah*.
2. Menganalisis isu-isu Syariah, perundangan dan tadbir urus yang mempengaruhi pelaksanaan sistem BNPL di Malaysia.
3. Mencadangkan kerangka reformasi dasar berteraskan *maqāṣid al-sharīʿah* bagi memperkukuh tadbir urus BNPL dan perlindungan pengguna di Malaysia.

2. SOROTAN KAJIAN LEPAS

Perkembangan teknologi kewangan (financial technology atau fintech) telah memperkenalkan pelbagai inovasi dalam sistem pembayaran digital, termasuk sistem Buy Now Pay Later (BNPL). BNPL merupakan satu bentuk kemudahan kredit jangka pendek yang membolehkan pengguna memperoleh barangan atau perkhidmatan secara serta-merta dengan pembayaran dilakukan secara tertangguh melalui beberapa ansuran. Dalam konteks ekonomi digital, BNPL dilihat sebagai alternatif kepada kemudahan kredit tradisional kerana menawarkan proses permohonan yang mudah, kelulusan pantas dan fleksibiliti pembayaran kepada pengguna, khususnya golongan muda yang aktif menggunakan platform e-dagang (Yap & Tan, 2022; Mohammad et al., 2025).

Dari sudut manfaat ekonomi, beberapa kajian menunjukkan bahawa BNPL berpotensi meningkatkan akses kewangan (financial inclusion) dengan menyediakan pilihan pembayaran kepada pengguna yang mungkin menghadapi kesukaran mendapatkan kemudahan kredit konvensional. Sistem ini juga dapat mengurangkan kebergantungan kepada kad kredit serta memberikan fleksibiliti dalam mengurus aliran tunai jangka pendek pengguna (OECD, 2022). Walau bagaimanapun, kemudahan tersebut turut menimbulkan kebimbangan berkaitan tingkah laku kewangan pengguna. Kajian Nik Azmi dan Mohd Zahari (2024) mendapati bahawa kemudahan BNPL mempunyai hubungan dengan kecenderungan pembelian impulsif dalam kalangan generasi muda, manakala kajian lain menunjukkan bahawa penggunaan tanpa kawalan boleh menyebabkan peningkatan komitmen hutang dan risiko keberhutangan berlebihan (over-indebtedness) (Mohammad et al., 2025).

Selain aspek tingkah laku pengguna, isu struktur dan tadbir urus BNPL turut menjadi perhatian dalam kajian terdahulu. Laporan Bank Negara Malaysia (2023) menunjukkan bahawa perkembangan BNPL sebelum pengenalan kerangka kawal selia khusus menimbulkan cabaran dari sudut perlindungan pengguna, khususnya berkaitan ketelusan maklumat, penilaian kemampuan pembayaran dan mekanisme pengendalian

https://doi.org/10.24191/nk12744

©Authors, 2026

risiko kredit. Pada peringkat antarabangsa, OECD (2022) turut menegaskan bahawa pengguna muda merupakan kumpulan yang lebih terdedah kepada penggunaan kredit digital secara berlebihan disebabkan faktor kemudahan akses, pemasaran digital dan persepsi bahawa BNPL merupakan kaedah pembayaran tanpa implikasi hutang yang besar.

Dari perspektif fiqh muʿāmalāt, penelitian terhadap BNPL tidak hanya bergantung kepada bentuk pembayaran tertangguh semata-mata, tetapi perlu mengambil kira struktur akad, hubungan kontraktual antara pihak terlibat serta kewujudan unsur-unsur yang boleh menjejaskan keadilan transaksi. Dusuki dan Abozaid (2007) menjelaskan bahawa inovasi kewangan Islam perlu berasaskan prinsip keadilan (ʿadālah), ketelusan dan kemaslahatan (maṣlaḥah) bagi memastikan sesuatu produk kewangan memenuhi objektif Syariah. Oleh itu, aspek seperti ketidakjelasan kontrak (jahālah), ketidakpastian (gharar), penalti pembayaran lewat dan struktur caj perlu dianalisis secara kritikal dalam menilai kesesuaian BNPL dari perspektif Islam.

Selain penilaian fiqh, pendekatan Maqāṣid al-Sharīʿah menyediakan kerangka yang lebih luas dalam menilai inovasi kewangan moden. Sesuatu produk kewangan tidak hanya dinilai berdasarkan kesahan akad secara formal, tetapi juga berdasarkan kesannya terhadap kesejahteraan manusia, keadilan ekonomi dan pencegahan kemudaratan. Chapra (2000) menegaskan bahawa sistem kewangan Islam perlu menyokong pencapaian kemaslahatan melalui pemeliharaan harta (ḥifẓ al-māl), akal (ḥifẓ al-ʿaql) dan kesejahteraan masyarakat. Selaras dengan itu, Dusuki dan Bouheraoua (2011) menjelaskan bahawa kerangka maqasid boleh digunakan sebagai instrumen penilaian terhadap produk kewangan bagi memastikan inovasi yang diperkenalkan bukan sahaja memenuhi aspek perundangan, tetapi juga mencapai objektif moral dan sosial Islam.

Dalam aspek perlindungan pengguna, perkembangan BNPL turut dikaitkan dengan isu kerentanan kewangan, khususnya dalam kalangan belia dan kumpulan berpendapatan rendah. Pengguna yang mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah lebih berisiko menggunakan BNPL tanpa memahami sepenuhnya implikasi kontrak, jumlah komitmen pembayaran dan kesan jangka panjang terhadap kedudukan kewangan mereka (OECD, 2022). Oleh itu, pengukuhan kawal selia menjadi elemen penting bagi memastikan perkembangan BNPL berlaku secara bertanggungjawab. Dalam konteks Malaysia, pengenalan Akta Kredit Pengguna 2025 serta penubuhan Suruhanjaya Kredit Pengguna menunjukkan usaha kerajaan memperkukuh perlindungan pengguna dalam sektor kredit, termasuk kemudahan kredit digital seperti BNPL (Suruhanjaya Kredit Pengguna, 2026).

Berdasarkan sorotan kajian terdahulu, dapat dirumuskan bahawa kajian berkaitan BNPL banyak memberi perhatian kepada aspek penerimaan pengguna, tingkah laku kewangan dan risiko kredit. Walau bagaimanapun, kajian yang mengintegrasikan analisis struktur operasi BNPL dengan kerangka Maqāṣid al-Sharīʿah, khususnya dalam konteks perundangan dan perlindungan pengguna di Malaysia, masih terhad. Justeru, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan menilai kesepadanan sistem BNPL berdasarkan prinsip maqasid serta menganalisis implikasi Syariah dan dasar berkaitan pelaksanaannya.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen (document analysis) dengan reka bentuk deskriptif-analitikal bagi menilai sistem Buy Now Pay Later (BNPL) berdasarkan

https://doi.org/10.24191/nk12744

©Authors, 2026

kerangka Maqāṣid al-Sharīʿah. Kaedah ini dipilih kerana ia sesuai untuk meneliti isu berkaitan struktur kontrak, mekanisme operasi, implikasi sosial serta cabaran kawal selia BNPL melalui penelitian terhadap dokumen yang berkaitan (Bowen, 2009). Data kajian terdiri daripada sumber primer dan sekunder. Sumber primer melibatkan dokumen rasmi seperti laporan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dokumen perundangan berkaitan kredit pengguna termasuk Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Kredit Pengguna 2025, serta dokumen operasi penyedia BNPL seperti terma dan syarat (terms and conditions) platform BNPL yang beroperasi di Malaysia. Sumber sekunder pula merangkumi artikel jurnal berwasit, laporan industri dan karya akademik berkaitan fintech, fiqh muʿāmalāt, kewangan Islam dan Maqāṣid al-Sharīʿah. Pemilihan dokumen dibuat berdasarkan kaitannya dengan objektif kajian, iaitu mempunyai maklumat berkaitan struktur BNPL, perlindungan pengguna, aspek perundangan atau penilaian Syariah.

Analisis data dilakukan menggunakan pendekatan analisis tematik (thematic analysis) sebagaimana yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Proses analisis melibatkan pengenalpastian tema utama daripada dokumen yang dikaji, termasuk struktur akad BNPL, ketelusan kontrak, caj dan penalti pembayaran, risiko keberhutangan berlebihan, tadbir urus Syariah serta implikasi sosial ekonomi pengguna. Tema-tema tersebut kemudiannya dipetakan berdasarkan prinsip Maqāṣid al-Sharīʿah untuk mengenal pasti tahap kesepadanan atau ketidaksepadanan sistem BNPL terhadap objektif Syariah. Dalam kajian ini, lima elemen ḍarūriyyāt digunakan sebagai indikator analisis, iaitu ḥifẓ al-dīn (pemeliharaan agama), ḥifẓ al-nafs (pemeliharaan nyawa), ḥifẓ al-ʿaql (pemeliharaan akal), ḥifẓ al-nasl (pemeliharaan keturunan) dan ḥifẓ al-māl (pemeliharaan harta). Penilaian ini meliputi aspek pematuhan akad, unsur riba dan gharar, perlindungan harta pengguna, rasionaliti keputusan kewangan serta kesan BNPL terhadap kesejahteraan individu dan keluarga (Dusuki & Bouheraoua, 2011).

Bagi memastikan kebolehpercayaan analisis, kajian ini menggunakan triangulasi sumber dengan membandingkan maklumat daripada dokumen kawal selia, dokumen operasi penyedia BNPL dan literatur akademik berkaitan. Pendekatan ini bertujuan memastikan setiap interpretasi mempunyai asas rujukan yang jelas serta mengurangkan kecenderungan subjektif dalam analisis. Melalui kaedah ini, kajian bukan sahaja menilai aspek pematuhan formal sistem BNPL, tetapi turut meneliti kesan dan implikasinya terhadap pencapaian objektif Maqāṣid al-Sharīʿah. Oleh itu, metodologi ini membolehkan kajian mengenal pasti faktor yang menyebabkan ketidaksepadanan BNPL dengan maqasid serta merumuskan cadangan reformasi dasar yang lebih berteraskan prinsip keadilan, ketelusan dan perlindungan pengguna.

4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Analisis Ketidaksepadanan Sistem *Buy Now Pay Later* (BNPL) Berdasarkan Kerangka *Maqāṣid al-Sharīʿah*

Analisis kajian mendapati bahawa sistem *Buy Now Pay Later* (BNPL) merupakan salah satu inovasi kewangan digital yang menawarkan beberapa manfaat kepada pengguna, khususnya dari aspek fleksibiliti pembayaran, kemudahan transaksi dan peningkatan akses kepada barangan tanpa keperluan pembayaran penuh secara serta-merta. Dari sudut ekonomi digital, BNPL boleh menjadi alternatif kepada kaedah pembayaran tradisional seperti kad kredit, khususnya bagi pengguna yang memerlukan kemudahan pembayaran jangka pendek. Walau bagaimanapun, manfaat tersebut perlu dinilai secara kritikal kerana

https://doi.org/10.24191/nk12744

©Authors, 2026

sesuatu inovasi kewangan dalam perspektif Islam bukan sahaja dinilai berdasarkan kecekapan ekonomi, tetapi juga berdasarkan kesannya terhadap keadilan, kemaslahatan dan perlindungan pengguna (*maslahah*) (Dusuki & Bouheraoua, 2011).

Berdasarkan analisis dokumen dan literatur berkaitan, kajian mendapati bahawa ketidaksepadanan BNPL dengan kerangka *Maqāṣid al-Sharīʿah* bukan berpunca daripada konsep pembayaran secara bertangguh itu sendiri. Dalam fiqh *muʿāmalāt*, transaksi bertangguh pada asasnya adalah dibenarkan sekiranya memenuhi rukun dan syarat akad, mempunyai ketelusan maklumat serta tidak mengandungi unsur riba, gharar dan kezaliman. Sebaliknya, isu utama BNPL terletak pada bagaimana struktur kontrak, mekanisme pembayaran, pengurusan risiko pengguna dan sistem kawal selia dilaksanakan. Oleh itu, analisis kajian menunjukkan bahawa ketidaksepadanan tersebut lebih berkaitan dengan aspek operasi dan tadbir urus berbanding konsep BNPL secara keseluruhannya (Chapra, 2000).

Dari perspektif *ḥifẓ al-māl* (pemeliharaan harta), isu utama yang dikenal pasti ialah risiko keterhutangan berlebihan (*over-indebtedness*) akibat kemudahan mendapatkan kemudahan kredit secara segera. Walaupun BNPL sering dipasarkan sebagai pembayaran ansuran yang mudah dan tanpa faedah, pengguna mungkin kurang menyedari jumlah komitmen kewangan sebenar apabila menggunakan beberapa platform secara serentak. Keadaan ini boleh menyebabkan pengguna membuat keputusan kewangan yang melebihi kemampuan sebenar, sekali gus menjejaskan kestabilan kewangan individu dan keluarga. Risiko ini lebih ketara dalam kalangan golongan muda dan kumpulan berpendapatan rendah yang mempunyai tahap literasi kewangan yang lebih rendah (OECD, 2023). Dalam konteks maqasid, perlindungan harta bukan hanya bermaksud mengelakkan kehilangan aset, tetapi turut melibatkan pencegahan daripada mekanisme kewangan yang boleh membawa kepada kemudaratan ekonomi jangka panjang.

Selain itu, analisis mendapati bahawa aspek ketelusan kontrak dan struktur caj merupakan antara faktor penting yang mempengaruhi keselarasan BNPL dengan prinsip Syariah. Terma berkaitan penalti lewat pembayaran, caj tambahan dan tanggungjawab pengguna perlu dijelaskan secara terang supaya tidak menimbulkan unsur *gharar* (ketidakpastian) dan *jahālah* (ketidakjelasan). Dalam perspektif Islam, transaksi kewangan yang adil menuntut semua pihak memahami hak dan tanggungjawab masing-masing sebelum akad dimeterai. Oleh itu, walaupun sesuatu model BNPL mungkin tidak mengenakan faedah secara langsung, struktur bayaran yang kurang telus masih boleh menimbulkan persoalan dari sudut keadilan kontrak dan objektif *ḥifẓ al-māl* serta *ḥifẓ al-dīn* (Dusuki & Bouheraoua, 2011).

Dari sudut *ḥifẓ al-ʿaql* (pemeliharaan akal), kajian turut mengenal pasti bahawa reka bentuk platform digital BNPL berpotensi mempengaruhi tingkah laku kewangan pengguna. Strategi pemasaran seperti promosi masa terhad, paparan bayaran ansuran kecil dan proses kelulusan segera boleh mewujudkan persepsi bahawa kos pembelian adalah rendah walaupun komitmen sebenar adalah lebih besar. Fenomena ini selari dengan kajian tingkah laku kewangan yang menunjukkan bahawa pengguna sering dipengaruhi oleh kecenderungan seperti *instant gratification* dan keputusan impulsif apabila berhadapan dengan kemudahan kredit digital (Lusardi & Mitchell, 2014). Dalam konteks maqasid, keputusan kewangan yang dibuat tanpa pertimbangan rasional boleh membawa kepada kemudaratan terhadap kesejahteraan pengguna.

Walau bagaimanapun, isu BNPL tidak boleh dilihat semata-mata sebagai kegagalan model kewangan tersebut. Sebahagian permasalahan yang timbul adalah berpunca daripada kelemahan tadbir urus,

https://doi.org/10.24191/nk12744

©Authors, 2026

khususnya dari aspek kawal selia, penilaian kemampuan membayar dan perlindungan pengguna. Sesuatu sistem BNPL boleh dibangunkan secara lebih selaras dengan maqasid sekiranya mempunyai mekanisme kawalan yang memastikan ketelusan akad, penilaian kredit yang munasabah, perlindungan pengguna serta pemantauan terhadap amalan pemasaran. Justeru, kajian ini berhujah bahawa cabaran utama BNPL bukan hanya persoalan status halal atau haram secara formal, tetapi sejauh mana pelaksanaannya memenuhi objektif Syariah dalam menjaga kepentingan manusia secara menyeluruh.

Selain aspek kontrak dan tingkah laku pengguna, isu kawal selia turut menjadi dimensi penting dalam analisis kajian. Perkembangan pesat industri fintech menyebabkan sebahagian penyedia BNPL beroperasi di luar kerangka kawal selia kewangan tradisional pada peringkat awal perkembangan industri ini. Keadaan tersebut mewujudkan jurang dari aspek perlindungan pengguna, ketelusan kontrak dan pemantauan risiko kewangan (Bank Negara Malaysia, 2023). Walaupun perkembangan terkini seperti pengenalan kerangka perlindungan kredit pengguna melalui Akta Kredit Pengguna 2026 menunjukkan usaha memperkukuhkan perlindungan pengguna, keperluan terhadap garis panduan khusus BNPL masih penting bagi memastikan inovasi kewangan berkembang secara bertanggungjawab.

Jadual 1 Analisis Masalah BNPL Berdasarkan Kerangka *Maqāṣid al-Sharīʿah*

Bil	Isu BNPL	Huraian Masalah	Komponen Maqāṣid Terjejas	Analisis Ketidaksepadanan
1	Hutang berlebihan	Pengguna berisiko membuat komitmen kewangan melebihi kemampuan akibat akses kredit yang mudah	Ḥifẓ al-māl	Menjejaskan kestabilan kewangan individu dan keluarga serta bercanggah dengan prinsip pengurusan harta secara berhemah
2	Caj tersembunyi dan penalti lewat bayar	Kekurangan kefahaman terhadap struktur caj dan penalti boleh menjejaskan ketelusan akad	Ḥifẓ al-māl, ḥifẓ al-dīn	Berpotensi mewujudkan unsur *gharar*, *jahālah* dan ketidakadilan dalam transaksi
3	Ketiadaan pengawasan Syariah	Sebahagian penyedia BNPL tidak tertakluk kepada semakan Syariah formal	Ḥifẓ al-dīn	Menimbulkan persoalan berkaitan struktur akad, penalti dan mekanisme pembayaran
4	Manipulasi tingkah laku pengguna	Reka bentuk digital dan strategi pemasaran boleh mendorong pembelian impulsif	Ḥifẓ al-ʿaql	Menjejaskan keupayaan pengguna membuat keputusan kewangan secara rasional
5	Tekanan kewangan keluarga	Hutang tidak terkawal memberi kesan terhadap kesejahteraan sosial dan keluarga	Ḥifẓ al-nafs, ḥifẓ al-nasl	Memberi implikasi terhadap kesejahteraan mental dan hubungan keluarga
6	Kelemahan kawal selia	Jurang perlindungan pengguna dan pemantauan terhadap penyedia BNPL	Ḥifẓ al-māl	Meningkatkan risiko eksploitasi dan ketidakadilan kontrak

4.2 Cadangan Reformasi Dasar Berdasarkan Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis tersebut, kajian mencadangkan tiga pendekatan utama bagi memastikan sistem BNPL berkembang secara lebih selaras dengan prinsip *Maqāṣid al-Sharīʿah*. Pertama, pembangunan rangka kerja kawal selia khusus BNPL perlu diperkukuhkan melalui kerjasama pihak berautoriti seperti Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Kerangka ini perlu memberi penekanan kepada ketelusan maklumat, penilaian kemampuan pembayaran pengguna serta perlindungan terhadap amalan kredit yang boleh membawa kepada eksploitasi.

https://doi.org/10.24191/nk12744

©Authors, 2026

Kedua, semakan pematuhan Syariah perlu dipertimbangkan bagi penyedia BNPL yang menawarkan perkhidmatan kepada pengguna Muslim. Penilaian tersebut bukan sahaja meneliti aspek akad, tetapi juga struktur caj, penalti, mekanisme kutipan bayaran dan kesan sosial produk tersebut. Pendekatan ini penting kerana pematuhan Syariah dalam kewangan Islam tidak hanya tertumpu kepada bentuk kontrak, tetapi turut melibatkan pencapaian objektif keadilan dan kemaslahatan (*maqāṣidī approach*) (Dusuki & Bouheraoua, 2011).

Ketiga, pengukuhan literasi kewangan dan Syariah perlu diberi perhatian bagi membolehkan pengguna membuat keputusan yang lebih bertanggungjawab. Pendidikan kewangan bukan sahaja membantu pengguna memahami kos sebenar penggunaan BNPL, tetapi juga meningkatkan kesedaran terhadap konsep hutang, tanggungjawab akad dan pengurusan kewangan menurut perspektif Islam (Lusardi & Mitchell, 2014).

Jadual 2 Padanan Cadangan Penambahbaikan BNPL dengan Kerangka *Maqāṣid al-Sharīʿah*

Bil	Cadangan Penambahbaikan	Maqāṣid Dipelihara	Rasional
1	Rangka kerja kawal selia khas BNPL oleh pihak berautoriti	Ḥifẓ al-māl, ḥifẓ al-nafs	Melindungi pengguna daripada risiko hutang berlebihan, eksploitasi dan ketidakadilan kontrak
2	Semakan pematuhan Syariah secara berkala	Ḥifẓ al-dīn, ḥifẓ al-māl	Memastikan struktur akad, caj dan operasi BNPL selaras dengan prinsip Syariah
3	Program literasi kewangan dan Syariah	Ḥifẓ al-ʿaql, ḥifẓ al-māl	Membentuk pengguna yang mampu membuat keputusan kewangan secara rasional dan bertanggungjawab

5. PENUTUP

Secara keseluruhannya, sistem Buy Now Pay Later (BNPL) merupakan satu inovasi kewangan yang menawarkan kemudahan kepada pengguna, khususnya dalam era ekonomi digital yang pesat berkembang. Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan BNPL di Malaysia masih berdepan dengan cabaran besar dari aspek kawal selia, perlindungan pengguna serta kepatuhan terhadap prinsip Syariah. Ketiadaan rangka kawal selia yang khusus dan komprehensif berisiko membuka ruang kepada eksploitasi kewangan, terutamanya dalam kalangan pengguna muda dan berpendapatan rendah yang mudah terdedah kepada risiko hutang berlebihan.

Melalui pendekatan yang mencadangkan rangka kerja kawal selia khas, pemantauan pematuhan Syariah yang mandatori serta pemerkasaan literasi kewangan dan Syariah, artikel ini menekankan pentingnya satu reformasi struktur dalam tadbir urus BNPL. Reformasi ini bukan sahaja penting bagi menjamin keadilan dan ketelusan dalam transaksi, tetapi juga bagi memastikan sistem BNPL selari dengan maqāṣid al-sharī‘ah serta menyumbang kepada pembangunan sistem kewangan Islam yang lestari dan inklusif.

Kajian ini diharapkan dapat menjadi asas rujukan kepada pihak berkuasa penggubal dasar, institusi kewangan, serta penyedia perkhidmatan kewangan digital dalam menggubal dasar yang lebih beretika dan mesra Syariah. Justeru, masa depan sistem BNPL di Malaysia perlu dibina atas asas tadbir urus yang holistik, berteraskan integriti Syariah, dan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan pengguna.

https://doi.org/10.24191/nk12744

©Authors, 2026

6. PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada para penilai atas komen dan pandangan yang membina. Penulis juga menghargai maklum balas yang diberikan oleh rakan-rakan sejawat sepanjang proses penyediaan manuskrip ini. Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial, atau bukan berasaskan keuntungan

7. PERTEMBUNGAN KEPENTINGAN

Dengan ini diisytiharkan bahawa tiada apa-apa pertembungan di antara kepentingan penulis dengan segala penghasilan fakta dalam artikel ini.

8. SUMBANGAN PENULIS

Semua penulis telah memberikan sumbangan secara bersama dalam pembangunan makalah ini. Semua penulis turut terlibat dalam proses menyemak dan menambah baik makalah, memberikan input dari aspek intelektual dan metodologi, serta memastikan ketelitian akademik dan kejelasan kandungannya. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip untuk diterbitkan.

9. DEKLARASI PENGGUNAAN AI

Pengarang mengisytiharkan bahawa AI generatif tidak digunakan dalam penghasilan artikel ini, kecuali bagi tujuan pengolahan semula teks (*paraphrasing*) dan semakan silang rujukan. Penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ketepatan, integriti, dan kandungan akhir karya ini.

10. PERNYATAAN ETIKA PENYELIDIKAN

Pengarang mengisytiharkan bahawa kajian ini tidak melibatkan sebarang, sampel atau data biologi manusia dan haiwan. Justeru, kelulusan dan kebenaran jawatankuasa etika tidak berkait dengan kajian ini.

11. PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data-data yang menyokong dapatan kajian ini boleh diperoleh daripada Pengarang koresponden berdasarkan permintaan yang munasabah, tertakluk kepada keperluan institusi dan pertimbangan etika yang berkenaan.

12. RUJUKAN

Abu Bakar, N. A., & Salleh, A. D. (2025). Beli Dahulu Bayar Kemudian (BNPL) Sebagai Wahana Perbelanjaan Patuh Syariah Dan Beretika: Satu Tinjauan Literatur. *Journal of Contemporary Islamic Law,* 10(2), 20–28.

Alias, A. A., Zaidi, F. Z., & Mohd Fauzey, N. F. (2025). Buy Now, Think Later? A Conceptual Take on Malaysian

https://doi.org/10.24191/nk12744

©Authors, 2026

BNPL Choices. *International Journal of Management, Finance and Accounting*, 6(2), 200–218.

Bank Negara Malaysia. (2023). *Annual Report 2022*. Bank Negara Malaysia.

Chapra, M. U. (2000). *The Future of Economics: An Islamic Perspective*. The Islamic Foundation.

Consumer Financial Protection Bureau. (2022). *Buy Now, Pay Later: Market Trends and Consumer Impacts.* Consumer Financial Protection Bureau.

Dusuki, A. W., & Bouheraoua, S. (2011). The Framework of Maqāṣid Al-Sharīʿah and Its Implications for Islamic Finance. *International Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA).*

Guttman-Kenney, B., Firth, C., & Gathergood, J. (2022). Buy now, pay later (BNPL)… on your credit card. *Journal of Behavioral and Experimental Finance,* 33, 100606. https://doi.org/10.1016/j.jbef.2021.100606

Hassan, M. F., Mohd Zain, F. A., Ghazali, M. S., & Mansor, F. (2025). Reconstructing Buy-Now-Pay-Later (BNPL) Through Maqāṣid Al-Sharīʿah: A Conceptual Paper. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding*.

Lusardi, A., & Mitchell, O. S. (2014). The Economic Importance of Financial Literacy: Theory and Evidence. *Journal of Economic Literature*, 52(1), 5–44. https://doi.org/10.1257/Jel.52.1.5

Mohammad, C. N. A., Othman, N. A., & Mohamed, M. (2025). From Intention to Indebtedness: A Narrative Review on Behavioral, Financial, And Islamic Finance Determinants of Buy Now Pay Later (BNPL) Usage in Malaysia. *Management and Information Technology Journal.*

Nik Azmi, N. N., & Mohd Zahari, N. H. (2024). Buy Now Pay Later Mechanism Trigger Impulsive Purchase Behavior Among Malaysian Millennials Generation. *International Journal of Business and Technology Management.*

Organization for Economic Co-operation and Development. (2022). *Buy Now Pay Later: Market Developments and Consumer Protection Issues.* OECD Publishing.

Organization for Economic Co-operation and Development. (2023*). Consumer Finance Risk Monitor 2023.* OECD Publishing.

Sarifuddin, S. H. (2025). Buy Now, Pay Later or Pain Later? A Qualitative Study on The Adoption of BNPL and Financial Risks Among Generation Z Consumers in Klang Valley. 21(2025), 73-89.

Suruhanjaya Kredit Pengguna. (2025). *Consumer Credit Act 2025* (Act 873). Malaysia.

© 2026 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).

https://doi.org/10.24191/nk12744

©Authors, 2026